

'Bukan bertelagah cuma kecil hati'

JM-10/6/2006

KUALA LUMPUR 9 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, beliau tidak bertelagah dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tetapi cuma tersinggung dan berkecil hati dengan tindakan pihak tertentu memburuk-burukkan kepimpinan beliau dulu.

Beliau tidak menyebut siapakah pihak tertentu yang dimaksudkannya itu.

Justeru itulah, katanya, beliau berulang kali menuntut penjelasan berhubung beberapa dakwaan yang mempersoalkan kewibawaannya tetapi sehingga hari ini belum menerima jawapan.

Namun bekas Perdana Menteri itu mengakui dakwaan-dakwaan tersebut bukanlah pandangan rasmi daripada kerajaan sebaliknya hanya persepsi pihak tertentu yang mengaitkan beliau.

"Saya tidak hadapi masalah (dengan kepimpinan Abdullah), cuma saya nak penjelasan sahaja, kalau ada yang tidak kena, saya nak tahulah. Bukan sahaja saya, tetapi banyak orang tanya saya dan saya kata pi (pergi) tanyalah, (tetapi) mereka kata tak boleh, nanti apa jadi pada kami.

"Dan saya kata, kalau *you* (anda) tak nak tanya, saya tanyalah.

"Saya adalah benda-benda yang saya tidak puas hati, macam sindiran kononnya projek mega (yang dibina pada era saya) perhabis banyak duit, tak guna... saya berasa kecil hatilah sikit sebab keputusan itu kita buat bersama-sama (dengan Kabinet)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan utama sempena Pameran Islam Antarabangsa 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai kekhuatiran rakyat yang melihat kritikan terbaru beliau ke atas kerajaan kelmarin memperlihatkan beliau seolah-olah bersengketa dengan Abdullah.

Beliau turut menyelar bekas timbalannya Tun Musa Hitam yang dilaporkan akhbar hari ini sebagai berkata, Dr. Mahathir amat keras dalam kritiknya dan bertindak membelakangi "tradisi

Saya tidak hadapi masalah dengan kepimpinan Abdullah, cuma saya nak penjelasan sahaja, kalau ada yang tidak kena, saya nak tahulah

dan protokol."

"Tun yang baru tidak ikut tradisi UMNO. Dia (Musa) seharusnya sedia maklum kerana dialah orangnya yang menuruti tradisi UMNO seperti berundur dari kerajaan dan menyerang saya serta menggesa Tengku Razaleigh (Hamzah) menentang saya," katanya, jelas merujuk kepada peletakan jawatan Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1986 dan Tengku Razaleigh yang kalah tipis kepada Dr. Mahathir dalam pertandingan bagi jawatan Presiden UMNO pada tahun berikutnya.

Dr. Mahathir berkata, beliau mahukan jawapan kepada beberapa isu seperti pemberhentian Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff sebagai ketua pegawai eksekutif Proton, penjualan subsidiari Proton serta pengeluar motosikal MV Agusta hanya bagi satu Euro, dan ribuan Permit Import (AP) yang dikeluarkan bagi beberapa individu untuk import kereta mewah.

"Saya tidak faham, saya bangkitkan soalan mengenai Proton, tentang AP, Agusta, tapi tidak satupun dijelaskan.

"Mengapa buang seseorang (Tengku Mahaleel) yang menguruskan syarikat itu dengan teratur dan menguntungkan dan lantik seseorang yang menjadikan ia tidak menguntungkan dan rugi RM500 juta tanpa sebarang sebab," katanya.

Beliau berkata sekiranya orang ramai takut untuk bersuara terhadap beberapa keputusan kerajaan, beliau terpaksa menyuarakan isu-isu tersebut dengan sendiri.

"Sebaliknya (mereka kata) Dr. Mahathir 'tidak boleh berkata begitu, dia tidak punya hak untuk

bersuara, dia bekas Perdana Menteri, pergi tidur'.

"Saya dapati dalam negara ini sekarang semua orang tutup mulut. Jika mereka tutup mulut, ia OK. Jadi saya buka mulut, dan jadi mangsa, tapi OK. Saya tidur nyenyak..." katanya.

Beliau turut bertanya mengapa projek jambatan baru menyambungkan Johor dan Singapura menggantikan Tambak Johor dihentikan semasa kerja-kerja pembinaan sudah dimulakan.

Semalam di Sandakan, semasa menjawab kritikan Dr. Mahathir, Abdullah sekadar berkata: "Tidak ada sebab untuk memanjangkannya. Tun (Dr Mahathir) bebas untuk berkata apa-apa. Ia bukan masalah kepada saya, kerana ini negara demokratik.

Semasa ditanya sekiranya beliau terkejut dengan tuduhan Dr. Mahathir bahawa beliau mengkhianatinya dan tidak mengenang jasa, beliau berkata "Sudahlah tu. Mari kita cakap tentang perkara lain."

Semasa ditanya tentang reaksi Abdullah, Dr. Mahathir hari ini berkata: "Saya puas hati dengan komennya, sangat baik. Terima kasih banyak-banyak. Jika dia tidak mahu menjawabnya, OK. Orang lain boleh jawab".

Dr. Mahathir juga berkata, beliau telah banyak bersabar termasuk dakwaan kononnya pentadbiran beliau menghabiskan wang kerajaan sehingga ia tidak lagi dapat melaksanakan projek.

Menurut Dr. Mahathir, beliau perlu menuntut penjelasan daripada kerajaan antaranya kenapa projek yang berjalan perlu dihentikan.

"Saya nak tahu, tak ada duitkah, setakat yang saya tahu ada duit, saya cuma nak tanya," katanya.



DR. MAHATHIR MOHAMAD